



7 Disember 2017
7 December 2017
P.U. (A) 378

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 9) 2017

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 9) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 9) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 9) 2017.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 8 Disember 2017.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—
 - (a) Pembiayaan Kredit Pusingan Jangka Pendek yang diperoleh atau akan diperoleh oleh Prasarana Malaysia Berhad (dahulunya dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad), dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi satu bilion sembilan ratus empat belas juta ringgit (RM1,914,000,000.00); dan
 - (b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan kemudahan yang disebut dalam subsubperenggan (a).

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan kemudahan dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya: